

Pilihanraya Februari 2008 - Ku Li

Oleh : WARTAWAN ERA BARU

BEKAS Menteri Kewangan yang juga Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, meramalkan bahawa Pilihanraya Umum yang ke-12 hanya akan di adakan selewat-lewatnya pada bulan Februari 2008 dan bukan pada tahun ini.

Tengku Razaleigh mem buat ramalan itu kerana tidak mungkin dapat di adakan tahun ini kerana terlalu awal berdasarkan rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9) baru sahaja dimulakan dan belum menunjukkan hasil yang boleh dimanfaatkan rakyat. Selain itu, Suruhan Jaya Pilhanrya (SPR) telah mengumumkan bahawa ia

Ku Li predicts elections may be held in February

GUA MUSANG MP Tengku Razaleigh Hamzah has predicted that the next general election may be held in February. *Tanah Nesan* reported. The former finance minister said this was based on the Election Commission's recent

OTHER
NEWS & VIEWS

hanya bersedia selepas September.

Ku Li juga berkata bahawa kira-kira 200,000 pengundi di Kelantan yang layak mengundi tetapi belum men

< Keratan akhbar yang menyiarkan ramalan bekas Menteri Kewangan yang juga Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah baru-baru ini

daftar.


Ku Li sebagai seorang yang masak dengan perjuangan UMNO dan pernah berada dalam Kerajaan dan sama-sama membuat keputusan penting

dan dasar Kerajaan di lihat layak membuat ramalan seperti itu.


Sementara itu, penganalisis politik pula mengulas bahawa pilihanraya tidak mungkin diadakan selepas bulan Feb, 2008 kerana mengambil kira bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim akan dibe narkan bertanding pada bulan April, 2008 dan kebebasan beliau untuk masuk bertanding samada sebagai calon bebas atau dibawah PKR akan mengeruhkan keadaan, apatah lagi Anwar masih berdemam dengan UMNO kerana telah memecat beliau dari parti itu menyebabkan Anwar hilang semua jawatan yang dipegangnya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengulas bahawa tarikh pilihanraya boleh diadakan bila-bila masa asalkan parti sudah bersedia menghadapinya.


Apapun, menurutnya lagi, semua ini terpulung ke pada Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk memutuskannya mungkin setelah mendapat ilham.




Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi... mungkin belum dapat ilham



Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak... bila-bila masa asalkan parti sudah bersedia



Tengku Razaleigh Hamzah... pilihanraya mungkin bulan Februari 2008



Dato' Seri Anwar Ibrahim... boleh tanding pada April 2008